

# Minda Pengarang

## Komited jayakan usaha KPM atasi buli, gangguan seksual

**Buli** dan gangguan seksual boleh dianggap sebagai perlakuan 'kembar' yang boleh dan sering berlaku di mana-mana, sama ada di sekolah, tempat kerja atau organisasi. Dua perlakuan bersumberkan naluri jahat manusia ini juga ibarat 'duri dalam daging', sukar dirawat dan dicegah jika 'tidak kena' dengan caranya.

Lazimnya, perbuatan buli dan gangguan seksual sering dilaporkan di sekolah sama ada berasrama atau aliran biasa, di maahad tahfiz, sekolah agama dan mana-mana institusi pendidikan termasuk universiti.

Berdasarkan statistik Kementerian Pendidikan (KPM), sebanyak 264 kes buli direkodkan pada 2018, 244 kes pada 2019, 2020 (122 kes), 2021 (51 kes) dan 2022 (120 kes).

Atas faktor ini, KPM semalam melancarkan Garis Panduan Pengurusan Buli dan Gangguan Seksual bagi mengekang gejala salah laku tidak bermoral itu daripada terus menular dalam kalangan pelajar.

Menterinya, Fadhlina Sidek berkata, garis panduan itu akan diguna pakai di semua institusi pendidikan kelolaan KPM meliputi sekolah, Kolej Matrikulasi, Kolej Tingkatan Enam dan Institut Pendidikan Guru (IPG).

Pelaksanaan garis panduan merangkumi pelbagai komponen itu akan diperincikan melalui surat pekeliling yang dikeluarkan KPM dalam tempoh terdekat kepada semua institusi pendidikan.

Garis panduan diwujudkan KPM ini bakal mewujudkan sinar baharu dalam bidang pendidikan negara, terutama bagi melindungi pelajar atau pelatih IPG daripada perbuatan buli dan gangguan seksual daripada terus membarah di institusi pendidikan.

Kewujudan garis panduan ini juga sudah pasti memberi kelegaan kepada ibu bapa kerana wujud peraturan yang dapat menjadi perisai melindungi pelajar daripada perlakuan buli selain mengawalinya daripada terus berleluasa di sekolah, asrama atau di mana saja institusi pendidikan kelolaan KPM.

Apa yang penting, garis panduan ini diharap dapat menamatkan tradisi atau kitaran amalan buli serta gangguan seksual daripada pelajar 'senior' kepada pelajar 'junior' yang sering dilaporkan berlaku terutama di sekolah berasrama.

Namun, garis panduan atau apa sahaja peraturan tidak akan bermakna sekiranya tiada kerjasama padu wujud di antara pelajar, warden dan pentadbir sekolah bagi menangani isu buli terutamanya. Pentadbir institusi pendidikan KPM perlu komited menangani isu buli dan gangguan seksual berpandukan garis panduan ini.

Rekod sebelum ini menunjukkan ada pengurusan sekolah sering menyembunyikan kejadian kes buli di sekolah seperti diakui KPM sendiri. Sikap pentadbir sekolah yang 'menyapu ke bawah permaidani' kes buli pasti menyukarkan usaha KPM untuk menangani gejala buli secara holistik.

Apa yang penting garis panduan itu seharusnya mampu 'mematikan' amalan buli di mana-mana institusi pendidikan KPM sehingga ke peringkat akar umbi bagi mengelak lahir semula golongan pewaris yang mungkin menghidupkan gejala tidak bermoral ini.